



# PENGHENDAP SIBER

Tahukah adik-adik, meluangkan masa di hadapan komputer, boleh terdedah kepada pelbagai ancaman dan jenayah siber yang serius? Apakah yang boleh menyumbang kepada kejadian ini? Bagaimana pula untuk mengelak daripada menjadi mangsa kepada individu yang jahat dan tidak bertanggungjawab?

Kebiasaannya, adik-adik menggunakan komputer setiap hari sama ada di sekolah, rumah atau di tempat yang mempunyai akses kepada internet. Penggunaan internet dapat meningkatkan mutu pendidikan, taraf sosial dan berinteraksi sesama rakan di laman rangkaian sosial seperti facebook. Tanpa disedari, internet juga menyediakan akses segera kepada maklumat peribadi yang membolehkan penghendap siber dengan mudah menjadikan adik-adik mangsa sasaran mereka.

Penghendap siber bermaksud individu yang mempunyai niat jahat menggunakan internet atau saluran elektronik yang lain. Tujuannya untuk menghendap dan mengganggu adik-adik tanpa dapat dikesan. Mereka akan mengugut menggunakan emel, forum perbincangan, atau laman sembang yang boleh menyebabkan adik-adik berasa marah, cemas, takut, dan tertekan.

## Sifat Penghendap Siber

Mereka selalunya mempunyai sifat seperti:

1. Obses terhadap individu yang dikenalnya.
2. Delusi terhadap seseorang yang diminatinya.
3. Berdendam.
4. Troll. Penghendap siber akan mengikuti perkembangan individu hanya bertujuan menimbulkan kontroversi, berdebat tanpa sebab, dan menyakiti hati.

## Mangsa Penghendap Siber

Adik-adik mungkin menjadi mangsa mereka jika:

1. Seseorang yang tidak dikenali telah menghantar maklumat peribadi adik-adik seperti alamat rumah, emel atau nombor telefon ke dalam laman sosial lain yang tidak pernah adik-adik daftar sebelum ini.
2. Kamera yang tersedia di dalam komputer riba dikawal oleh penghendap siber tanpa pengetahuan adik-adik.
3. Menerima emel ugutan yang boleh mengancam nyawa adik-adik dan keluarga.
4. Menerima emel berunsur tidak senonoh dan iklan-iklan yang tidak dikehendaki.

## Adakah Anda Mangsanya?

### Bagaimana untuk menghentikan kegiatan penghendap siber?

1. Sentiasa pantau maklumat peribadi adik-adik di internet dengan cara berjaga-jaga ketika memberikan butir-butir peribadi.
2. Kata laluan atau 'password' untuk emel atau facebook perlu ditukar setiap enam bulan dan **TIDAK** menggunakan nombor telefon, tarikh lahir atau perkataan yang senang diteka oleh orang lain.
3. Belajar menggunakan keupayaan penapisan program untuk menyekat emel yang tidak dikehendaki.
4. Menerima hanya permintaan untuk berkawan daripada rakan-rakan yang adik kenali sahaja. Abaikan pada individu yang tidak dikenali.
5. Fikir dahulu sebelum menerima pelawaan daripada rakan siber untuk bertemu dalam kehidupan yang sebenar. Sekiranya perlu berjumpa juga, pastikan adik selidik terlebih dahulu tentang latar belakang rakan adik. Pastikan ibu bapa, penjaga atau guru adik mengetahui tentang perkara ini dan menemani adik semasa berjumpa rakan.

Kesimpulan, Internet membolehkan berjuta-juta orang berinteraksi antara satu sama lain dan memberi banyak manfaat. Namun masih banyak risiko dan bahaya yang menanti adik-adik di alam siber, sekiranya adik-adik membenarkan penghendap siber ini terus memanipulasi hidup adik-adik tanpa kawalan. Sentiasa bijak, sentiasa selamat.

Sekiranya anda perlukan sebarang bantuan, sila hubungi Pusat Bantuan Cyber999 melalui emel di [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my) atau hubungi Talian Nur di 15999. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my) dan [www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my)

